



Syarat Tawaran Kemasukan Pelajar Baharu Semester 1

Sesi Akademik 2026/2027 (Asasi UNIMAS)

Makluman am

1. Tawaran ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang pertukaran fakulti atau program pengajian adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
2. UNIMAS berhak **MENARIK BALIK TAWARAN** kemasukan ini atau menamatkan pengajian anda dengan serta-merta sekiranya anda didapati memberikan maklumat palsu.
3. Anda dikehendaki membaca dan memahami **Panduan Kemasukan Sesi 2026/2027** dan mengisi borang-borang yang dilampirkan serta mengambil tindakan selanjutnya seperti yang ditetapkan.
4. Sekiranya anda ingin menarik diri selepas pendaftaran, pembayaran balik yuran adalah tertakluk kepada Perkara 20, Peraturan Akademik Ijazah Sarjana Muda UNIMAS yang berkuatkuasa. Sila rujuk laman web www.ppps.unimas.my
5. Surat Aku Janji Pelajar akan diedarkan oleh Pusat Pembangunan Pelajar pada Minggu Aluan Pelajar dan anda **DIWAJIBKAN** untuk menandatangani. Anda pada setiap masa adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009, 2012, 2019 dan 2024), Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling dan lain-lain peraturan serta pindaan yang berkuatkuasa dan diterima pakai di Universiti Malaysia Sarawak.
6. Tawaran ke program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan adalah tawaran secara terbuka. Tiada jaminan penempatan di sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas pelajar menamatkan pengajian.
7. Sijil akademik yang telah **DISAHKAN** hendaklah dimuat naik ke dalam sistem *Easy Undergraduate Files System (EzUFiles)* di pautan <https://myfiles.unimas.my/ezufiles>.
8. **MEMBUKA AKAUN RHB Pro** (bagi yang tidak mempunyai akaun berkaitan) untuk memudahkan urusan sepanjang pengajian di UNIMAS. Maklumat lanjut boleh rujuk infografik pada lampiran.
9. Pelajar **DIMESTIKAN** untuk mendaftar bagi Program Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) Celik MADANI. Maklumat lanjut pendaftaran boleh rujuk di laman web <https://www.unimas.my/new-students>. (Rujuk Pembukaan Akaun ASNB)
10. Tawaran ini hanya sah untuk Kemasukan Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 di Universiti Malaysia Sarawak sahaja.



Pemeriksaan Kesihatan

- Pemeriksaan Kesihatan ke atas pelajar baharu akan dilaksanakan di Pusat Kesihatan UNIMAS. Tarikh pemeriksaan kesihatan akan ditetapkan oleh Pusat Kesihatan UNIMAS dan hebahan akan dibuat melalui Fakulti masing-masing.
- Bagi pelajar baharu program **DOKTOR PERUBATAN** dan program **KEJURURAWATAN**, tambahan bayaran berjumlah **RM100.00** akan dikenakan bagi pemeriksaan HIV, Hepatitis B dan Hepatitis C. Tarikh pemeriksaan kesihatan akan ditentukan oleh Pusat Kesihatan UNIMAS dan hebahan akan dibuat melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).





Imbas untuk memuat turun aplikasi
"RHB Mobile Banking"

Buka Kunci Masa Depan Anda dengan Akaun Simpanan-i RHB Pro!

2 kaedah mudah untuk membuka Akaun Simpanan-iRHB Pro:

Pilihan
1

Pembukaan akaun secara atas talian

(Untuk pelajar berumur 18 tahun dan keatas)

1. Muat turun aplikasi "RHB Mobile Banking" dan imbas kod QR untuk memulakan.

Jika tidak dapat mengimbas kod QR, sila klik pautan di bawah:

<https://onlinebanking.rhbgroup.com/my/open-in-app?mohe>



2. Isi butiran dan ikuti arahan di skrin untuk menghantar permohonan anda.

Deposit sekurang-kurangnya RM10 diperlukan untuk pengesahan dan pengaktifan akaun secara atas talian.

3. Semak emel yang anda daftarkan untuk menerima "Welcome Email" daripada RHB dan butiran akaun anda.

Jika anda memohon pinjaman PTPTN, anda boleh menggunakan nombor akaun yang tertera di emel tersebut.

4. Dapatkan Kad Debit-iRHB MySiswa setelah pihak universiti memaklumkan kepada anda.

5. Aktifkan Kad Debit-iRHB MySiswa anda dengan membawa kad dan MyKad ke kaunter RHB di universiti anda. Anda boleh menggunakan kad untuk transaksi perbankan selepas pengaktifan.

Untuk panduan, imbas Kod QR di sebelah kanan atau pergi ke pautan di bawah:

<https://www.rhbgroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Personal/Joy-at-Uni/FAQ-MOHE-Online-Account-Opening.pdf>



Disyorkan

Pilihan
2

Pembukaan akaun di Cawangan RHB

1. Jadualkan temujanji di cawangan RHB dengan mengimbas kod QR untuk mengelakkan anda perlu beratur panjang.

Jika tidak dapat mengimbas kod QR, sila klik pautan di bawah:

<https://www.rhbgroup.com/BranchAppointment>



2. Kunjungi cawangan RHB pilihan anda dengan membawa dokumen berikut:

- Jika anda berumur bawah 18 tahun: Bawa Sijil Kelahiran Asal, My Kad Asal, dan Surat Tawaran Universiti. Anda mesti ditemani ibu bapa atau penjaga.

Jika ditemani penjaga, bawa bukti hubungan seperti surat penjaga.

- Jika anda berumur 18 tahun dan keatas: Bawa My Kad/MyTentera Asal dan Surat Tawaran Universiti.

- Jika anda bukan warganegara Malaysia: Bawa Pasport Asal, Surat Tawaran Universiti, dan Visa Pelajar yang sah.

3. Semak emel yang anda daftarkan untuk menerima "Welcome Email" daripada RHB dan butiran akaun anda.

Jika anda memohon pinjaman PTPTN, anda boleh menggunakan nombor akaun yang tertera di emel tersebut.

4. Dapatkan Kad Debit-iRHB MySiswa setelah pihak universiti memaklumkan kepada anda.

5. Aktifkan Kad Debit-iRHB MySiswa anda dengan membawa kad dan MyKad ke kaunter RHB di universiti anda. Anda boleh menggunakan kad untuk transaksi perbankan selepas pengaktifan.

Important!



Mandatori: Buka Akaun Simpanan-iRHB Pro sebelum mendaftar ke universiti. Rujuk pihak universiti untuk maklumat lanjut.



Manfaat: Nikmati diskaun dan keistimewaan selepas akaun dan Kad Debit-i RHB MySiswa anda diaktifkan. Lihat maklumat lanjut di [RHB Joy@Uni](mailto:RHBJoy@Uni).



Pemegang Passport/MyPR: Buka akaun anda secara dalam talian dan kunjungi mana-mana cawangan RHB dalam masa 30 hari untuk mengaktifkannya.



Pinjaman PTPTN: Jika anda memohon pinjaman PTPTN, dana akan dikreditkan ke dalam akaun ini.




Kad Debit-i RHB MySiswa: Kad ini berfungsi sebagai kad debit dan kad pelajar. Anda akan menerima kad ini daripada universiti dan perlu mengaktifkannya untuk menggunakannya. Bagi pelajar antarabangsa, anda perlu mengaktifkan kad di cawangan RHB berhampiran.

Program ASNB Celik MADANI:


Panduan Pendaftaran Pelajar UNIMAS

Panduan langkah demi pelajar UNIMAS untuk mendaftar Program ASNB Celik MADANI dan menerima pelaburan percuma RM50. Melalui aplikasi myASNB, dapatkan nombor akaun 12-digit (UHID) untuk tuntutan.


Langkah Pendaftaran Akaun (Pelabur Baharu)




Muat Turun & Daftar di MyASNB
Pilih 'Buka Akaun' dan lengkapkan maklumat peribadi serta tetapan keselamatan akaun anda.



Masukkan Kod Rujukan: Celik MADANI
Wajib masukkan kod 'Celik MADANI' semasa pendaftaran.




Pengesahan Identiti & UHID
Ambil gambar MyKad dan swafoto; tunggu 24 jam untuk pengesahan nombor akaun 12-digit (UHID).




UHID
UHID yang tertera adalah nombor akaun ASNB anda.


Kemas Kini Maklumat (Pelabur Sedia Ada)



Log Masuk & Kemas kini Profil
Pelabur sedia ada perlu mengemaskini maklumat peribadi melalui bahagian 'View Profile Details'.



Klik
Klik untuk dapatkan 12 digit nombor akaun ASNB (UHID) anda



UHID
UHID yang tertera adalah nombor akaun ASNB anda.

➤ Teruskan Tabungan, Capai Masa Depan!

Mulakan langkah kecil hari ini untuk masa depan kewangan yang lebih baik.



Langkah Terakhir: E-Form Pendaftaran Akaun



Imbas QR & Isi Maklumat

Gunakan ID Pengguna (ID E-mel siswa UNIMAS) untuk akses borang dan masukkan nombor akaun 12-digit anda.